

KUALA LANGAT / SEPANG

Kongsi hala tuju animasi 2D

JUGRA - Program Animasi 2D dengan kerjasama Unit Perhubungan Latihan Industri dan Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Kuala Langat mengambil inisiatif mengadakan Ceramah Kerjaya Dalam Bidang Animasi 2D, baru-baru ini.

Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat, Kol Bersekutu (PA) Zainah Rujihan berkata, program tersebut adalah sesi perkongsian antara pihak industri dan alumni bersama pelajar Program Sijil Animasi 2D Kolej Komuniti Kuala Langat.

Menurutnya, pelaksanaan program ini bukan sahaja dapat memberi impak positif kepada pelajar, malah turut

mendorong mereka untuk lebih berjaya dalam pelajaran dan lebih bersedia menempuh alam pekerjaan kelak.

Beliau berkata, pendekatan membawa wakil dari industri dan alumni kolej komuniti adalah satu platform kepada pelajar mendapatkan lebih maklumat dalam bidang itu.

“Malah, kisah kejayaan alumni ini juga memberi semangat pelajar untuk lebih serius dalam pelajaran,” katanya.

Zainah berkata, program itu terbahagi kepada dua slot utama iaitu Slot Bersama Industri diadakan pada sebelah pagi dan slot kedua, Success Story of Alumni 2D

Animation pula diadakan pada sebelah petang.

“Slot Bersama Industri melibatkan perkongsian daripada sebuah syarikat produksi animasi tempatan iaitu Inspidea Sdn Bhd yang mana Andrew Oii selaku Pengarah Urusan Inspidea Sdn Bhd berbesar hati untuk hadir bersama bagi menjayakan slot ini,” katanya.

Sebelah petangnya pula, pelajar bertuah dapat mendengar perkongsian kisah kejayaan dan pengalaman daripada tiga alumni animasi Kolej Komuniti Kuala Langat yang meraih kejayaan dalam bidang pekerjaan, melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi dan bergelar usahawan.



Peserta dialog bergambar bersama wakil industri dan alumni pada Ceramah Kerjaya Dalam Bidang Animasi 2D di Kolej Komuniti Kuala Langat, baru-baru ini.

Mara rangka dua strategi utama

Bantu bangsa Melayu berjaya dalam pendidikan hingga peringkat tertinggi, cemerlang dalam perniagaan

KANCHONG DARAT - Mara Selangor menyusun dua strategi utama dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi bagi memberi peluang kepada bangsa Melayu untuk terus menggunakan perkhidmatannya.

Timbalan Pengarah Mara Negeri Selangor, Roslan Abu Bakar berkata, pihaknya yakin dua sasaran itu membantu memberi jaminan kepada orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara selain mendapatkan bantuan pinjaman untuk usahawan.

Menurutnya, sempena Hati Emas 50 Tahun, pihaknya turun ke daerah-daerah bagi menghargai pelanggan yang selama ini memberi sokongan kepada Mara.

"Selagi kita boleh bantu,

kita bantu semua golongan daripada pendidikan untuk anak-anak hinggalah usahawan yang mahu meningkatkan perniagaan.

"Mara memang sejak dari dulu sangat dekat di hati masyarakat dan kerana itulah segala kemudahan yang ditawarkan mendapat sambutan," katanya pada Program Khidmat Masyarakat Hati Emas 50 Tahun di Sekolah Kebangsaan (SK) Kanchong Darat, kelmarin.

Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau mengakui jasa Mara kepada rakyat sangat besar dan kerana itulah anak keluaran Mara kebanyakannya berjaya.



Sulaiman (tiga, kiri) sempat beramah mesra dengan seorang penerima bantuan beg sekolah.

Katanya, beliau mahu rakyat sentiasa mensyukuri segala kemudahan yang disediakan Mara bagi meningkatkan pendidikan anak dan taraf hidup.

"Saya faham kebanyakan anak-anak yang mendapat tajaan Mara kadang-kala bimbang dengan bayaran balik pinjaman, namun pelbagai inisiatif di-

berikan kepada peminjam sekiranya mendapat keputusan baik dan memenuhi syarat.

"Mereka boleh bertolak ansur, namun peminjam per-

lu mematuhi syarat ditetapkan," katanya.

Sulaiman yang turut merasmikan program berkenaan berkata, beliau berhasrat menggalakkan anak-anak di Kuala Langat yang bakal melanjutkan pengajian di peringkat universiti dapat memohon pinjaman Mara sebagai galakan untuk terus mendapatkan pendidikan terbaik.

"Selain itu, dengan adanya program Mara di setiap daerah, ia mampu mempromosikan kemudahan yang disediakan Mara untuk kegunaan masyarakat," katanya.

Pada program berkenaan, seramai 70 anak asnaf SK Kanchong Darat menerima bantuan beg sekolah dan 10 warga emas menerima sumbangan barangan dapur.